

03/10/1997

Hubungan erat elak perpecahan global

Mustapha Omar in Montevideo

MONTEVIDEO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, hubungan dan kerjasama rapat di antara rantau dapat mengelakkan sistem perdagangan global daripada dipecahkan menjadi blok perdagangan eksklusif.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu penting bagi menghadapi pihak tertentu yang cenderung melihat rantau lain sebagai pasaran yang boleh dieksploitasi, dikawal dan dijajah.

Sehubungan itu, katanya, adalah menjadi tanggungjawab Asean dan Pasaran Bersama Selatan (Mercosur) untuk mencari jalan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Beliau berkata, kedua-dua pertubuhan serantau itu juga boleh bertukar-tukar maklumat dan kepakaran bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang berkenaan.

"Saya bangga kerana Asean dan Mercosur sudah memulakan perbincangan ke arah mencapai matlamat ini dan berharap ia akan membawa kepada hubungan lebih rapat di antara kedua-dua rantau.

"Kita mempunyai pelbagai keistimewaan yang dapat ditawarkan, termasuk di bidang teknologi, pelengkap pasaran dan sokongan serta penyelarasan terhadap isu bersama di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diraikan oleh Presiden Uruguay, Dr Julio Maria Sanguinetti, pada majlis makan malam sempena lawatan rasminya yang pertama ke negara itu, malam tadi.

Turut hadir ialah Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan anggota delegasi Malaysia lain.

Mercosur yang dianggotai Uruguay, Argentina, Brazil dan Paraguay memiliki pasaran besar dengan 190 juta penduduk. Potensi urus niaga di keempat-empat negara pasaran bersama itu mencapai AS\$100 bilion (RM331 bilion) setahun.

Walaupun Uruguay negara paling kecil dalam Mercosur, kelebihan yang dimiliki terutama kedudukannya di tengah rantau berkenaan, menjadikannya berpotensi sebagai pintu masuk ke Mercosur.

Selain itu, kemudahan sistem komunikasi dan infrastruktur yang baik membolehkannya menawarkan peluang kepada pelabur dan usahawan dari Asia Timur merebut peluang pasaran di rantau berkenaan.

"Dunia terlalu kecil untuk kita berada di belakang blok ekonomi tertutup diketuai pemimpin berkuasa yang hanya pandai memerintah.

"Oleh itu, saya berharap Asean dan Mercosur dapat memainkan tanggungjawab mewujudkan hubungan perdagangan, kerjasama ekonomi dan sokongan bersama di antara Asia dan Amerika Latin," katanya.

Perdana Menteri juga berharap wakil sektor swasta Malaysia dan Uruguay dapat menggunakan kesempatan ini untuk bertukar idea bagaimana mereka dapat meningkatkan lagi kerjasama perdagangan dan ekonomi kedua-dua negara.

Mengenai hubungan Malaysia dan Uruguay, Dr Mahathir berkata, ia bertambah baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan lawatan pegawai kanan kerajaan kedua-dua negara.

"Saya yakin sektor swasta kedua-dua negara juga sudah pasti akan berusaha meningkatkan kerjasama pelaburan dengan sokongan kerajaan.

"Setiap kerajaan boleh menyediakan perundangan dan rangka kerja pentadbiran yang baik bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan. Bagaimanapun, tugas utama dalam mewujudkan hubungan ekonomi yang baik

perlu dipikul oleh sektor swasta,' katanya.  
(END)